

**OKK MAJIMBUN MAJANGKIN: TOKOH PEMIMPIN
DAERAH INANAM, SABAH.
(1908-1981)**

SYARIFAH YASREEN BALQISH BTE SYED HASSAN

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat-syarat bagi Ijazah
Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian**

**PROGRAM SEJARAH
SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
SESI 2008/2009**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1400017149

183553 -



PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: OKK majim bin Jz ma jangkin : tokoh pemimpin
Daerah Tanah, Sabah (1908 - 1981)

IJAZAH: SERTAMA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA Syafiqah Yusuen Baligh
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: 2009

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan Oleh


(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:

ENg. MOHSLI BIN TAHSI

Nama Penyelia

Tarikh: 10/7/09

10/7/09

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN UMS




1400017149



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN LATIHAN ILMIAH

Latihan Ilmiah ini bertajuk OKK Majimbun Majangkin Tokoh Pemimpin Daerah Inanam (1908-1981) yang disediakan oleh Syarifah Yasreen Balqish Bte Syed Hassan bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Sabah.



(ENCIK MOSLI BIN TARSAT),

Penyelia Utama,

Pensyarah,

Sekolah Sains Sosial,

Universiti Malaysia Sabah.




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Kajian ini adalah merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiapnya telah saya nyatakan secara jelas sumbernya.

Tandatangan Pelajar



SYARIFAH YASREEN BALQISH BTE SYED HASSAN

HA2006-1109,

Program Sejarah (HA24),

Sekolah Sains Sosial,

Universiti Malaysia Sabah,

2009.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini meneliti tentang penglibatan OKK Majimbun dalam pembangunan sosial di daerah Inanam. Perbincangan ini memfokuskan terhadap sumbangan-sumbangan yang beliau berikan sepanjang kepada masyarakat daerah Inanam, di mana pada hari ini dapat melihat perkembangan daerah Inanam yang semakin maju dari pelbagai aspek sama ada sosial, politik atau ekonomi. Kajian ini menghuraikan pendekatan sejarah yang menggunakan kaedah lisan melalui kerja lapangan dan diperkuuhkan lagi dengan penelitian sumber kedua melalui dokumen-dokumen yang diperolehi. Sejarah latar belakang hidup OKK Majimbun dan penglibatan beliau dalam institusi pentadbiran pribumi juga telah diberikan tumpuan bagi melengkapkan kajian sebelum meneliti sumbangan beliau terhadap pembangunan di Inanam. Justifikasi sumbangan-sumbangan beliau ini dapat dilihat secara kritis bagi melihat kewajaran serta kepentingan jasa tokoh pemimpin tempatan untuk dijadikan ingatan kepada generasi yang akan datang.



ABSTRACT

*OKK Majimbun Majangkin The Leader of Inanam
(1908-1981)*

This research is about the involvement of OKK Majimbun in the district of Inanam. It also focuses on his contribution throughout his life to the society of Inanam where the development of Inanam especially from the aspects of social, economic, and politic can be clearly seen. This research explains the history approach by utilizing the oral method through field works and it is further supported by the analysis of secondary sources document obtained. The background of OKK Majimbun and his involvement in the Native Institute are also studied in order to complete the research before his contribution to the development of social is focused. The justification of all his contribution can be seen critically to understand the rationales and the significance of the contribution of local people. So that it become a guide to the new generation.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih terhadap hambahambanya. Pertama sekali, penulis ingin memanjatkan penuh kesyukuran kepada-Nya kerana dengan izin-Nya penulis dapat menyiapkan kajian ini dengan sepenuhnya. Kajian ini adalah berhubung dengan biografi seorang tokoh yang amat dihormati di Inanam satu ketika dahulu. Kajian ini adalah satu penerokaan ilmiah yang amat bermakna kepada penulis dan masyarakat pribumi Sabah umumnya. Namun penulis juga mengakui hasil kajian ini mempunyai beberapa kelemahan tertentu.

Sememangnya kajian ini tidak berjaya diselesaikan tanpa bantuan daripada beberapa pihak dan individu perseorangan sama ada mereka terlibat secara langsung maupun tidak langsung. Di kesempatan ini juga, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama iaitu Encik Mosli Bin Tarsat. Beliau telah memberikan segala tunjuk ajar, sokongan yang padu, malah sudi meluangkan masa untuk sama-sama berbincang dan memberikan pendapat dalam meningkatkan kualiti penulisan penulis. Sekalung penghargaan juga turut diberikan kepada penyelia kedua yang turut sama memberikan semangat dan dorongan yang tidak putus-putus dalam proses penyiapan kajian ini. Penghargaan ini juga turut diberikan kepada semua pensyarah program Sejarah, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah terutamanya Encik Baszley Bee Bin Basrah Bee yang membakar semangat dan telah melontarkan kritikan-kritikan serta idea-idea yang membina dalam menyiapkan kajian ini. Begitu juga dengan Encik Mohd Shauki bin Radzi, Encik Md. Saffie Bin Abdul Rahim, Encik Bilcher Bala, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan juga Encik Wan Shawaluddin Bin Wan Hassan.

Tidak ketinggalan penulis juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga ini buat seisi keluarga Majimbun terutamanya Dato' Eric Majimbun, OKK Wiliam Majimbun serta Puan Evelyn Majimbun atas kesudian mereka untuk ditemuramah oleh penulis. Tanpa bantuan daripada mereka, penulis merasakan mustahil kajian ini berjaya dilaksanakan dengan sebaiknya. Penghargaan juga buat semua kakitangan Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Kota Kinabalu, Perpustakaan Tun Fuad Stephens, Mahkamah Anak Negeri Kota Kinabalu. Tidak ketinggalan juga ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Saudara Noor Mohd Kamal Bin Mat atas bantuan yang telah dihulurkan disamping rakan-rakan seperjuangan penulis iaitu Josephine Golubi, Nor Iliahiyah Bte Baruddin, Tan Ee Shian, Norsheila Bte Zakaria serta Rohayah yang tidak jemu membantu penulis dalam mendapatkan maklumat.

Akhir kata, istimewa buat ayahanda, Syed Hassan Bin Syed Kamaruddin serta bonda, Rosnah Bte Osman yang berada di Kuala Kangsar, Perak. Hasil didikan dan bimbingan yang diberikan oleh mereka telah membentuk diri penulis untuk menjadi seorang yang berjaya dalam bidang yang diceburi. Penulis sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat atas bantuan yang diberikan bagi memperkasa kajian yang berkaitan dengan tokoh-rokok di Sabah, Malaysia.

SENARAI SINGKATAN

Bend	- Bendahari
KAN	- Ketua Anak Negeri
KK	- Ketua Kampung
MAN	- Mahkamah Anak Negeri
NCAC	- Native Chief's Advisory Council
OKK	- Orang Kaya-Kaya
PPM	- <i>Parti Pasok Momogun</i>
Pres	- Presiden
SBBUB	- Syarikat Berpiagam Borneo Utara British
SKKS	- <i>United Sabah Kadazan Youth Association</i>
S/U	- Setiausaha
TTPMAP	- <i>Tugag Tokou Pasok Momogun Action Party</i>
Timb.	- Timbalan
UNKO	- United Nation Kadazan Organisation
USDA	- Persatuan Dusun Sabah Bersatu



SENARAI CARTA

HALAMAN

Carta 1: Struktur Pentadbiran Jepun di Sabah	56
--	----



SENARAI GAMBAR**HALAMAN**

Gambar 1: Orang Kaya-Kaya Majimbun Bin Ambros Majangkin	28
Gambar 2: OKK Majimbun bersama isterinya iaitu Puan Eloi bersama salah seorang anak mereka	35
Gambar 3: Jalan Kionsom pada tahun 2009	89
Gambar 4: Batu Sumpah di Tamu Inanam	93
Gambar 5: Penulis bersama Dato Eric Majimbun	100
Gambar 6: OKK William Majimbun	102



SENARAI JADUAL

	HALAMAN
Jadual 1 : Skim jumlah pendapatan mengikut gred pada tahun 1916	48
Jadual 2: Skim jumlah pendapatan dan angara belanja yang telah ditetapkan pada tahun 1924.	49
Jadual 3: Surat Kuasa dan Lencana Ketua Anak Negeri mengikut Gred	50
Jadual 4: Senarai nama gabenor yang pernah mentadbir Sabah pada era kolonial British	60
Jadual 5: Pembahagian Residensi dan daerah di Sabah pada tahun 1963	62
Jadual 6: Cawangan UNKO bahagian Inanam	87



SENARAI PETA**HALAMAN**

Peta 1: Peta Inanam	16
Peta 2: Peta awal kawasan Jesselton	23



SENARAI RAJAH**HALAMAN**

Rajah 1: Teluk Gaya 1881 oleh Kapten Yang Berhormat Foley

CP Vereker 22

Rajah 2: Sir Charles Jessel 24



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

PENGESAHAN PENYELIA	i
PENGAKUAN PELAJAR	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRAC	v
SINGKATAN	vi
SENARAI CARTA	vii
SENARAI GAMBAR	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI PETA	x
SENARAI RAJAH	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Tujuan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Metodologi Kajian	7
1.7 Sorotan Kajian Lepas	9
1.8 Skop Kajian	14
1.9 Pembahagian Bab	16



BAB 2 LATAR BELAKANG OKK MAJIMBUN MAJANGKIN

2.0	Pendahuluan	19
2.1	Latar Belakang Kampung Tatahan	19
2.2	Biodata	29
2.3	Salah-Silah Keluarga	29
2.4	Pendidikan	36
2.5	Kesimpulan	41

BAB 3 PERANAN DAN PENGLIBATAN

3.0	Pendahuluan	43
3.1	Sebelum Pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British	43
3.2	Semasa Pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British	46
3.2.1	Institusi Ketua Anak Negeri (KAN) sewaktu Era Pemerintahan SBBUB	47
3.3	Institusi Pentadbiran semasa pendudukan Jepun Di Sabah, 1942-1945	54
3.3.1	Institusi Ketua Anak Negeri (KAN) semasa pendudukan Jepun	57
3.4	Institusi Pentadbiran semasa pemerintahan Kolonial British	59
3.4.1	Institusi Ketua Anak Negeri (KAN) ketika era Kolonial British	61
3.5	Pentadbiran di Sabah 1963-1981	62
3.5.1	Institusi Pentadbiran Ketua Anak Negeri (KAN) pada 1963-1981	63



3.6	Peranan dan Penglibatan OKK Majimbun	64
3.7	Contoh-contoh kes	78
3.8	Kesimpulan	79

**BAB 4 SUMBANGAN, DARAH KEPIMPINAN DAN REAKSI
MASYARAKAT TERHADAP OKK MAJIMBUN**

4.0	Pendahuluan	81
4.1	Sumbangan dan Jasa OKK Majimbun	81
4.1.1	Ekonomi	82
4.1.2	Pentadbiran dan Politik	85
4.1.3	Sosial	90
4.2	Pembaharuan yang diserapkan semasa pentadbiran	91
4.3	Kejayaan yang dicapai	94
4.4	Darah kepimpinan	96
4.4.1	John Majimbun	97
4.4.2	Eric Majimbun	99
4.4.3	William Majimbun	101
4.5	Reaksi Masyarakat	103
4.5.1	Ketua Pribumi	104
4.5.2	Masyarakat Umum	107
4.6	Kesimpulan	109

BAB 5 RUMUSAN

5.0	Kesimpulan	110
5.1	Perbincangan secara umum	110



BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk meneliti latar belakang, sumbangan dan jasa OKK Majimbun Bin Majangkin dalam sistem pentadbiran pribumi dan hal-hal kemasyarakatan di daerah pimpinannya. Penulis juga turut mengkaji berkaitan tanggungjawab dan peranan OKK Majimbun Bin Majangkin sepanjang beliau menggalas tugas sebagai seorang Ketua Anak Negeri dan Ketua Daerah. Sumbangan dan jasa yang telah dicurahkan oleh beliau dalam sesebuah masyarakat adalah amat penting. Beliau sewajarnya diberikan penghargaan atas sumbangan dan jasanya yang tidak ternilai harganya. Dengan itu, kajian ini diharapkan akan memperlihatkan sikap ketokohan dan kepimpinan beliau selaku seorang pemimpin tempatan. Atas kesedaran ini, pengkajian terhadap biografi OKK Majimbun bin Majangkin adalah untuk menyahut dan memenuhi kehendak masyarakat masa kini dan bukanlah semata-mata bertujuan mengagungkan individu dari suku kaum Kadazan-Dusun.

1.1 Latar Belakang Kajian

“Pulau Borneo terletak di antara $7^{\circ} 7'$ utara hingga $4^{\circ} 12'$ selatan garisan lintang dan dari $108^{\circ} 25'$ timur garisan bujur, berukuran paling panjang sembilan ratus batu, paling lebar tujuh ratus batu dan tiga ribu batu lengkongan. Selain itu, ia juga terletak di tengah-tengah laluan perdagangan yang luas dan menguntungkan, tersilang dari setiap penjuru oleh sungai-sungai dalam yang dapat dihiliri, teluk-teluk dengan pelabuhan yang selamat dan luas, mempunyai tanah yang subur untuk memenuhi segala keperluan kehidupan manusia, dan megah dengan barang dagangan yang sejak bertahun-tahun menarik hati ‘Si Tamak’ dan merangsang keinginan setiap manusia, iaitu dengan kecuali kepada New Holland, ia merupakan pulau terbesar yang pernah diketahui.” Puji-pujian

tersebut telah dirakamkan oleh John Hunt seorang pengembara Inggeris dalam tahun 1812 menerusi karyanya *Malayan Miscellanies*.¹

Kedudukan negeri Sabah dalam peta dunia adalah melingkungi kawasan kepulauan Borneo. Sebelum negeri tersebut dikenali sebagai 'Sabah' ia juga turut dikenali sebagai Borneo Utara. Sabah merupakan negeri kedua yang terluas dalam unit politik Persekutuan Malaysia. Kelainan dan keunikan negeri Sabah adalah kerana penduduknya yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan etnik seperti Kadazan-Dusun, Orang Sungai, Bajau, Tidong, Bisayak, Rungus, Lumbawa, Murut dan pelbagai jenis etnik lagi. Setiap kumpulan dan etnik juga dikatakan telah mengamalkan budaya yang berbeza dan tersendiri di samping menuturkan bahasa-bahasa yang berlainan dan berbeza. Di samping itu, negeri Sabah juga terkenal dengan hasil bumi yang menguntungkan seperti hasil hutan, pertanian, perikanan dan perlombongan.

Sejarah telah membuktikan bahawa dahulunya negeri Sabah adalah dibawah penguasaan kesultanan yang terkenal, iaitu kesultanan Brunei. Walaubagaimanapun, pada tahun 1704, Sultan Brunei telah bertindak menghadiahkan sebahagian besar Sabah kepada Sultan Sulu. Peristiwa inilah yang telah menjadi asas kepada pertapanan kuasa kesultanan Sulu terhadap Sabah. Ini secara jelas telah membuktikan bahawa Sabah merupakan negeri yang unik kerana ditadbir oleh dua kesultanan yang terkenal. Namun pada tahun 1865, seorang pedagang Inggeris iaitu Charles Lee Moses telah bertindak untuk memajak Sabah kepada Sultan Brunei selama sepuluh tahun dengan nilai sebanyak \$9500. Moses kemudiannya telah menjualkan pajakan tersebut kepada Syarikat Perdagangan Amerika-Borneo. Namun operasi syarikat tersebut mengalami kegagalan dan kerugian yang serius sehingga pada tahun 1866 syarikat tersebut terpaksa menamatkan operasi mereka di Borneo Utara sekaligus menjual hak pajakan kepada dua orang ahli perniagaan dari Austria dan Britain iaitu Baron Von Overbeck dan juga Alfred Dent secara rasmi pada tahun 1877. Kedua-dua pedagang tersebut telah ke Brunei dengan tujuan untuk mengadap Sultan Brunei bagi membuat perjanjian baru dengan baginda. Dalam pertemuan dengan Sultan Brunei, baginda telah bersetuju menyerahkan Sabah kepada kedua-dua ahli perniagaan tersebut. Namun syarat telah

¹ Graham Irwin. *Borneo Abad Kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1986



ditetapkan dan syarat tersebut adalah baginda menuntut pembayaran sebanyak \$15 000 setahun.² Bagi menyelesaikan tuntutan Sultan Sulu terhadap sebahagian Sabah yang dimiliki oleh baginda, Overbeck telah mengadap Sultan Sulu dan berjaya membuat rundingan. Persepakatan dalam rundingan tersebut telah mencapai objektif, iaitu Overbeck dan juga Dent terpaksa membayar sebanyak \$5000 kepada Sultan Sulu. Namun, kemerosotan kuasa Kesultanan Brunei dan Sulu secara tidak langsung telah membawa kepada kewujudan satu kuasa baru (Barat) iaitu Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) di Sabah dan syarikat tersebut telah muncul sebagai unit politik pada tahun 1881-1941.³ Semasa pentadbiran SBBUB, mereka telah meperkenalkan sistem pentadbiran yang bertujuan menjaga kepentingan syarikat. Seorang gabenor telah dilantik bagi mengetuai pentadbiran. Beliau ialah W.H Treacher yang sebelum ini pernah menjadi gabenor di Labuan. Pentadbiran SBBUB telah membahagikan Sabah kepada beberapa bahagian besar. Iaitu Pantai Barat yang terdiri dari Kudat, Kota Belud,Tuaran, Kota Kinabalu, Penampang, Ranau, Tambunan, Papar, dan Kuala Penyu. Manakala Residensi Tawau pula diwakili oleh Tawau, Lahad Datu dan juda Semporna. Zon Residensi Pendalaman pula adalah merujuk kepada kawasan Beaufort, Keningau, Sipitang, Tenom dan juga Pensiangan. Akhir sekali ialah Residensi Sandakan pula meliputi kawasan Lamag, Beluran dan juga Sandakan.⁴ Setiap bahagian itu dipanggil residensi yang seterusnya pula dibahagikan kepada beberapa daerah. Setiap residensi mempunyai ketua pentadbir yang digelar Residen dan ketua pentadbir di setiap daerah dinamakan pegawai daerah. Dalam pentadbiran SBBUB di Sabah, institusi pribumi telah diletakkan dibawah pentadbiran perkhidmatan awam yang paling rendah. Ketua-ketua tradisional iaitu merujuk kepada Orang Tua telah dibahagikan kepada dua kategori iaitu ketua tradisional yang diakui dan ketua tradisional yang tidak diakui berdasarkan kepada syarat dan kelayakan mereka. Pengisytiharan undang-undang kampung 1891 ini telah berkuatkuasa pada tahun yang sama. Pada asasnya, ketua tradisional yang diiktiraf dan diakui jawatannya akan menerima klasifikasi skim seperti yang ditetapkan. Hal ini secara tidak langsung membolehkan mereka juga mendapat gelaran sebagai Ketua Anak Negeri

² Zainal Abidin Abdul Wahid, *Malaysia Warisan dan Perkembangan*, (edisi ke-2), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1996.

³ Ranjit Singh, *The Making Of Sabah 1865-1941: The Dynamics Of Indigenous Society*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2000.

⁴ Johan M. Padasian, *Sejarah Sabah Dalam Gambar (1881-1981)*, The Sabah Centenary Publications Committee, 1981.

(KAN) ataupun lebih dikenali sebagai Native Chiefs pada zaman pentadbiran SBBUB. Sehubungan dengan itu, telah bermulanya titik tolak istilah jawatan Ketua Anak Negeri yang direka khas oleh SBBUB untuk mereka yang dilantik pada waktu itu.

Dalam institusi pentadbiran di Sabah pada zaman SBBUB, peranan Ketua Anak Negeri adalah amat penting. Hal ini kerana mereka adalah merupakan individu yang bertanggung jawab dan berperanan penting dalam menjaga keamanan, keharmonian, menjadi perantara antara rakyat tempatan dan SBBUB dan mereka jugalah yang telah bertindak sebagai medium maklumat yang berkaitan dengan hal-hal yang melibatkan masyarakat peribumi. Malah Ketua Anak Negeri juga turut diberi kuasa untuk mentadbir institusi tanah peribumi. Dari aspek bidang kuasa, kuasa Ketua Anak Negeri pula tidak hanya tertakluk di peringkat kampung sahaja, tetapi peranan mereka juga turut diperlukan di peringkat Majlis Penasihat Ketua-Ketua Anak Negeri dan Mahkamah Anak Negeri yang juga diwujudkan selepas penguasaan SBBUB di Sabah.⁵ Terdapat tiga gred yang menentukan taraf seseorang Ketua Anak Negeri iaitu Gred I, II, dan juga III. Setiap gred dibuat adalah bertujuan untuk menetukan kelayakan mereka sebagai seorang Ketua Anak Negeri. Ini jelas menunjukkan bahawa Ketua Anak Negeri yang bergred I adalah lebih berkuasa dari Ketua Anak Negeri yang bergred II dan III. Setiap tugas-tugas yang diarahkan oleh SBBUB kepada Ketua Anak Negeri akan dibantu oleh Ketua Kampung di peringkat kampung dalam usaha melicinkan urusan pentadbiran dan keseimbangan kuasa.

Sehubungan dengan itu, dasar yang diperkenalkan oleh SBBUB masih diamalkan semasa pemerintahan Jepun pada tahun 1942-1945. Namun tidak dapat dinafikan juga bahawa dasar baru yang dibawa oleh Jepun iaitu dasar Ni-ponisasi telah membawa sedikit perubahan berbanding sebelumnya. Penyerapan ketua-ketua pribumi ke dalam institusi pentadbiran di Sabah adalah bertujuan untuk memudahkan Jepun untuk mengawal rakyat seterusnya ia juga dapat menjimatkan kos perbelanjaan. Hakikatnya, penyerapan ini bukannya memberikan peluang kepada ketua peribumi, tetapi hanya untuk memperalatkan mereka atau disebut sebagai “taktik mengambil hati”. Natijahnya, institusi Ketua Anak Negeri dan Ketua Kampung menghadapi tugas yang lebih sukar

⁵ Peter, Phelan, *The Traditional Legal System Of Sabah*, Kota Kinabalu: Yayasan Sabah, 2003.

sewaktu pemerintahan Jepun kerana mereka bertanggungjawab mengatur dan menghadapi tuntutan-tuntutan daripada Jepun. Misalnya Jepun telah menuntut hasil sumber kekayaan penduduk pribumi.

OKK Majimbun Bin Majangkin adalah merupakan seorang Ketua anak Negeri sewaktu pemerintahan SBBUB dan juga tentera Jepun. Beliau merupakan seorang yang berketurunan Kadazan-Dusun. Beliau dilahirkan pada sekitar tahun 1908 dan merupakan anak jati daerah Inanam, Sabah. Ketika di usia kecil, OKK William Majimbun lebih dikenali sebagai 'Kaki' ataupun 'Aki' dikalangan keluarga dan sahabat handai. Sikap kepimpinan dan ketokohan yang wujud dalam diri ayahandanya telah mengalir dalam diri beliau sejak di usia remaja lagi. Sikap beliau yang prihatin terhadap masyarakat sekeliling telah menyebabkan beliau telah dilantik oleh SBBUB sebagai Ketua Anak Negeri secara tidak rasmi pada tahun 1947. Kegigihan beliau menjadi Ketua Anak Negeri secara tidak rasmi selama lima tahun akhirnya membawa hasil. Pada tahun 1952 beliau telah dilantik sebagai Ketua Anak Negeri dengan rasminya.

1.2 Permasalahan Kajian

OKK Majimbun Bin Majangkin adalah merupakan anak tempatan Inanam yang telah berjaya menempa nama sebagai seorang Ketua Anak Negeri di kawasannya. Penglibatan beliau dalam institusi pentadbiran pribumi telah membuatkan dirinya sentiasa dipertanggungjawabkan dengan pelbagai tugas dan peranan. Disebabkan sikap ketokohan semulajadi yang wujud dalam dirinya, maka OKK Majimbun Bin Majangkin telah melaksanakan segala tugas yang diamanahkan kepadanya dengan sebaik mungkin. Malah, sepanjang beliau menjawat jawatan sebagai seorang Ketua Anak Negeri, beliau telah menabur banyak jasa dan sumbangan yang tidak ternilai harganya kepada rakyat, khususnya mereka yang menetap di daerah Inanam. Sehubungan dengan itu, kajian yang saya jalankan ini mempunyai tiga permasalahan kajian yang perlu diusaikan. Pertama, bagaimanakah OKK Majimbun Bin Majangkin telah melibatkan diri dalam institusi pentadbiran pribumi. Manakala permasalahan yang seterusnya pula adalah, apakah peranan yang dilakukan oleh OKK Majimbun Bin Majangkin sepanjang beliau menyandang tugas sebagai Ketua anak Negeri. Manakala permasalahan kajian yang terakhir pula ialah, apakah sumbangan dan jasa yang telah

dicurahkan oleh OKK Majimbun Bin Majangkin kepada rakyat Sabah khususnya di kawasan Inanam.

1.4 Objektif Kajian

Dengan tujuan dan kepentingan kajian tersebut, penulis telah menyandarkan empat objektif utama yang perlu dicapai dalam kajian ini. Objektif pertama adalah untuk mengetahui tentang latar belakang OKK Majimbun Bin Majangkin dengan lebih terperinci. Ini bermakna hasil kajian ini akan cuba memberikan sebanyak mungkin maklumat tentang perjalanan hidup OKK Majimbun Bin Majangkin yang selama ini tidak diketahui oleh masyarakat umum. Kedua, ianya bertujuan untuk membincangkan peranan yang dimainkan dan seterusnya yang telah diamanahkan kepada beliau sama ada di peringkat kampung, organisasi, mahupun di peringkat Mahkamah Anak Negeri. Segala tanggungjawab beliau sebagai seorang pemimpin tempatan juga akan dihuraikan satu persatu dengan lebih jelas lagi. Ketiga adalah untuk meneliti segala sumbangan dan jasa yang telah beliau lakukan terhadap masyarakat di Sabah, khususnya di Inanam. Manakala objektif yang terakhir pula adalah untuk melihat reaksi masyarakat mengenai ketokohan OKK Majimbun Bin Majangkin.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai dua kepentingan iaitu ia akan bertindak sebagai bahan rujukan dan bacaan kepada masyarakat awam. Hal ini bermakna masyarakat terutamanya di Sabah secara tidak langsung bukan sahaja dapat mengetahui tentang OKK Majimbun Bin Majangkin dengan lebih terperinci, malah mereka juga dapat mengetahui dengan lebih jelas tentang peranan institusi Mahkamah Anak Negeri terhadap masyarakat Sabah. Hal ini kerana, keunikan Sabah adalah kerana mempunyai institusi Mahkamah Anak Negeri yang tidak terdapat pada negeri-negeri yang lain di Malaysia. Seterusnya kajian ini juga diharapkan dapat menambah koleksi kajian sejarah yang berkaitan dengan tokoh biografi di Sabah khususnya. Seperti mana yang sedia maklum, tidak banyak hasil tulisan dan karya mengenai tokoh-tokoh biografi di Sabah

dilakukan. Justeru itu, penulis berharap dengan adanya kajian ini, ia sedikit sebanyak telah membantu menambah hasil koleksi sejarah sama ada di perpustakaan-perpustakaan daerah mahupun negeri dan juga Arkib negeri dan negara.

1.6 Metodologi Kajian

Kajian ini telah menggunakan tiga kaedah yang berbeza iaitu penyelidikan kualitatif berdasarkan kepada sumber yang berkaitan dengan tajuk kajian. Tiga kaedah yang digunakan, pertama adalah menerusi penyelidikan arkib, kedua pula adalah menerusi penyelidikan melalui perpustakaan, manakala kaedah temubual serta pemerhatian ketika kerja lapangan pula merupakan kaedah terakhir yang telah diaplikasikan oleh penulis sepanjang membuat kajian ini. Kaedah yang digunakan ini adalah amat penting untuk mempastikan penulis mendapatkan maklumat serta sumber yang sah sebagai bahan rujukan dan panduan sepanjang proses menghasilkan kajian ini.

Penyelidikan melalui arkib adalah kaedah utama yang digunakan oleh penulis dalam menghasilkan kajian ini. Penyelidikan arkib adalah merupakan kajian yang lebih cenderung kepada penggunaan bahan bukti dari sumber primer. Selain dari itu, kajian arkib adalah merupakan penyelidikan yang dilakukan terhadap sumber primer iaitu bahan-bahan yang asli dan tulen seperti dokumen-dokumen sulit kerajaan, risalah-risalah lama, melalui mikrofilem, laporan tahunan serta bahan-bahan koleksi peribadi keluarga tokoh yang dikaji. Antara arkib yang dikunjungi oleh penulis dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini adalah Arkib Negara Malaysia dan juga Arkib Negeri Sabah.

Metod kedua yang digunakan pula adalah menerusi penyelidikan perpustakaan. Penyelidikan perpustakaan merupakan satu kaedah yang diserapkan oleh penulis bagi memperoleh maklumat, mengumpul, menganalisis sumber sekunder atau sumber kedua dengan merujuk kepada bahan-bahan yang telah ditulis oleh pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian. Perpustakaan yang kerap dikunjungi oleh penulis adalah Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Kota Kinabalu, Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Perpustakaan Tun Fuad Stephen di Yayasan Sabah serta Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah. Penulis juga membuat analisis terhadap tesis-tesis terdahulu

dan yang dirasakan bersesuaian sebagai rujukan dan landasan kepadanya untuk menulis kelak. Penulis juga telah menggunakan pelbagai bahan bercorak ilmiah seperti buku, majalah, artikel dan sebagainya. Penyelidikan melalui kaedah ini mampu membantu penulis untuk mendapat gambaran awal mengenai perkara-perkara penting yang harus diselidiki serta perspektif mana penulis seharusnya memberikan penekanan dan tumpuan yang lebih bagi membolehkan kajian ini lebih menarik dan mudah difahami oleh para pembaca.

Kaedah temubual pula merupakan kaedah terakhir yang turut diaplikasikan oleh penulis dalam kajiannya. Penulis menggunakan kaedah yang sedemikian adalah untuk mendapatkan maklumat sebanyak mungkin tentang kajian ini. Maklumat yang diperolehi oleh penulis biasanya adalah berbentuk lisan iaitu catatan yang dibuat oleh penulis semasa menemubual informen yang mengetahui dengan arif tentang sesuatu peristiwa ataupun informen tersebut masih menyimpan dokumen-dokumen secara peribadi. Dalam proses menemuramah, penulis seharusnya lebih berhati-hati dalam membuat catatan demi mengelakkan dari berlakunya pemalsuan terhadap fakta yang diberikan serta berlakunya percanggahan dengan fakta yang lain. Namun, penulis juga menggunakan bantuan dari beberapa alat elektronik seperti alat perakam suara serta kamera dalam usahanya untuk mengumpulkan data-data yang direkodkan supaya maklumat tersebut menjadi lebih jelas dan kukuh.

1.7 Sorotan Kajian Lepas

Secara umumnya, kajian mengenai peranan dan ketokohan OKK Majimbun Bin Majangkin dalam institusi pentadbiran di Sabah khususnya di Inanam pernah dipaparkan dalam ruangan akhbar tempatan seperti akhbar New Sabah Times dan Daily Express. Dalam akhbar tersebut telah menceritakan secara ringkas tentang sumbangan dan pembaharuan yang telah dibawa oleh beliau di kawasan pimpinannya.

Bibliografi

Akhbar

Henry, Utusan Borneo, Bertarikh Khamis, 11 September 2008.

Ignatius P Daim, Akhbar Borneo Buletin, bertarikh 30 November 1971.

Artikel

Mosli Bin Tarsat. 2006. *Institusi Pentadbiran Peribumi: Sebelum Dan Selepas Merdeka*. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.

Buku

Abdul Hadi Harman (et.al). 2003. *Tun Mustapha Dan Pembangunan Sabah*. Sabah: Yayasan Sabah.

Abdul Halim Mat Diah. 1989. *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Awang(ed.). 1997. *Biografi Tokoh Pilihan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ahmad Artory Hussain. 1983. *Pengantar Pentadbiran Awam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn.Bhd

Asmad. 1987. *Sabah*. Selangor: Associated Educational Dist. (M) Sdn. Bhd.

Azmi Khalid. 1997. *Ekonomi Orang Melayu abad ke-19: Sara diri atau Komersil?*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chamil Wariya. 2004. *Abdullah Ahmad Badawi. Perjalanan Politik PM KE-5*. Utusan Publication Distributions Sdn. Bhd.

Datin Raya Enom. 1994. *Tun Mohd Said Kerua., Dari Rakyat Bersama Rakyat*. Kuala Lumpur: Sabandra Sendirian Berhad.

Datuk Haji Sulong Sariul.1975. *Cases On Native Cuctomy Law In Sabah (1953-1972)*. Pencetak Kerajaan. Sabah. Malaysia.

Dayu Sansalu.2008. Kadazandusun Di Sabah: Pendidikan Dan Proses Pemodenan 1881-1967. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Graham Irwin. 1986. *Borneo Abad Kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Harun Johari. 2003. *Memoir Penghulu Dato' Zainal Abidin Lati*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Haron Daud. 1989. *Sejarah Melayu: Satu kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Abas *et al.*, 1996. *Biografi Bergambar: Tun Datuk Seri panglima Haji Sakaran Bin Dandai*. Kota Kinabalu: Holijaya Sdn. Bhd.

Johan M. Padasiyan. 1981. *Sejarah Sabah Dalam Gambar (1881-1981)*. The Sabah Centenary Publications Committee.

Kerajaan Negeri Sabah. 2000. *Kota Kinabalu Ke Alaf Baru*. Kerajaan Negeri Sabah.

Mohd. Isa Othman. 1993. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Peter Phelan. 1993. *Native Law in Sabah: Native Court And Customary Law of Sabah*. Sabah: Jabatan Cetak Kerajaan.

Peter Phelan. 2003. *The Traditional Legal System Of Sabah*. Kota Kinabalu: Yayasan Sabah.

Ramlah Adam. 1994. *Dato' Onn Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ranjit Singh. 2000. *The Making Of Sabah 1865-1941: The Dynamics Of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ranjit Singh. 1980. *Sistem Politik Peribumi Sabah*. Malaysia Dari Segi Sejarah.

Ruslan Zainuddin. 2000. *Sejarah Malaysia*. Selangor: Fajar Bakti.

Sabihah Osman. 1985. *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1841*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah.

Sharifah Alawiyah Alsagoff. 1984. *Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.

Sobri Salomon & Haron Din. 1988. *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah.

Stephen Evan, Abdul Rahman Zainal, Rod Wong Khet Ngee. 1996. *The History of Labuan Island (Victoria Island)*. Singapore: Calendar Print Ltd.

Stephen Evan. 1999. *Sabah (North Borneo) Under Rissing Sun Government*. Malaysia.

Sweeny, P.L. Amin. 1968. *Silsilah Raja-Raja Berunai*, JMBRAS. XLI. II.

Syed Ahmad Idid. 1999. *Native Court and Customary of Sabah*. Kota Kinabalu: Government Printer.

The New Encyclopaedia Britanicca. 1995. Vol. 18. Edisi 15.,Chicago: Encyclopaedia Inc.

Tregonning, K.G. 1985. *A History Of Modern Sabah.* Singapore: University Of Malaya Press.

Tregonning K.G. 1985. *A History Of Modern Sabah: North Borneo 1881-1963.* Singapura: Universiti Of Malaya

Whelan. 1970. *A History of Sabah.* Singapore: MacMillan.

Zainal Abidin Abdul Wahid. 1996. *Malaysia Warisan dan Perkembangan.* (edisi ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Dokumen Yang Tidak Diterbitkan

NBCA 141, *Chief Classification Scheme 1916-1940.*

Journal

Che Shaari & Ida Shafinaz Mohd Kamil. 1999. *Mahkamah Anak Negeri Di Sabah: Dulu, Masa Kini dan Masa Depan.* Universiti Malaysia Sabah: Journal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. MANU.

Internet

www.dromoz.com (diakses pada 9.30 malam, 7 November 2008)

<http://en.wikipedia.org/wiki/songkok> (diakses pada 9.45 malam, 7 November 2008)

www.googleearth.com (diakses pada 10.00 malam, 15 Mei 2009)

Responden-responden yang ditemuramah

Dato' Eric Majimbun. Ahli Parlimen Sepanggar. Pajabat SAPP Inanam. 9.30 pagi. 7 Mei 2009.

Encik Masran Bin Kuba, AJK Pemuda UMNO, Tuaran. 11.30 pagi, 2 Mei 2009.

Encik Noor Mohd Kamal, Pensyarah Politeknik Kota Kinabalu. 8.00 malam. 23 April 2009.

Encik Abdullah Bin Yacob, Pengarah Syarikat Pembinaan. Kota Kinabalu. 3.00 petang. 17 Mei 2009.

KAN Matsah bin Sahat. Ketua Anak Negeri. Mahkamah Anak Negeri Kota Kinabalu.jam 2.45 Petang. 6 April 2009.

OKK Wiliam Majimbun. Ketua Daerah. Mahkamah Anak Negeri Kota Kinabalu.jam 4.20 Petang. 5 Februari 2009

Puan Evelyn Majimbun. Kediamannya di Kampung Tatahan 10.30 pagi, 8 April 2009.

Tuan Gitom Bin Mansanap, Ketua Kampung Tatahan, 12.30 tengah hari, 22 Februari 2009

Tuan Haji Saili Bin Haji Daud, Imam Kampung Kobagol, 2.15 petang, 10 Mei 2009.

Tuan Sabilah Benggon, Ketua Kampung Pulutan, 4.15 petang, 10 Mei 2009.

Tuan Yakup Bin Mandaut, Ketua kampung Numbak, 1.30 petang, 10 Mei 2009.

Tesis

Mosli Bin Tarsat. 2005. *Institusi Pentadbiran Pribumi: Satu Kajian Mengenai Ketua Anak Negeri di Sabah. 1946-1990.* Tesis. Universiti Malaysia Sabah: Sekolah Sains Sosial.